

20 SEP 1997

Mahathir-Matawang

MAHATHIR GESA SUPAYA PERDAGANGAN MATAWANG DIHARAMKAN

HONG KONG, 20 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa supaya perdagangan matawang diharamkan dengan menyatakan bahawa ia tidak perlu, tidak produktif dan tidak bermoral.

Beliau berkata dunia tidak memerlukan perdagangan matawang kerana pembelian matawang cuma perlu untuk membiayai perdagangan sebenar.

"Ia harus dihentikan. Ia harus diharamkan. Kita tidak memerlukan perdagangan matawang," kata beliau pada Seminar Bank Dunia di sini yang dihadiri oleh pemodal, tokoh perniagaan dan hartawan paling berpengaruh.

Dr Mahathir berkata dengan membuat gesaan itu, beliau menyedari bahawa beliau menghadapi risiko besar tetapi terpaksa berbuat demikian agar masyarakat dilindungi daripada golongan yang mengaut keuntungan tanpa mengambil kira kepentingan orang lain.

Gesaan Dr Mahathir yang dijangka menimbulkan kesan mendalam pada mesyuarat tahunan Bank Dunia dan Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) di sini dibuat di tengah-tengah krisis matawang yang menggoncang negara-negara Asia Tenggara terutama Thailand, Malaysia dan Filipina.

Dr Mahathir juga menjelaskan mengenai kesan krisis itu kepada Malaysia sambil berkata semua pihak termasuk kerajaan kehilangan 20 peratus daripada kuasa membeli.

"Yang miskin menjadi bertambah miskin dan sekarang ada lebih banyak orang miskin di Malaysia. Yang kaya menjadi miskin juga tetapi kita tidak akan menunjukkan simpati kepada mereka.

Tetapi mereka yang menjalankan perdagangan matawang telah menjadi kaya, cukup cukup kaya dengan menjadikan orang lain miskin. Mereka sebenarnya ialah jutawan yang tidak memerlukan lagi wang," kata Perdana Menteri.

Menurut Dr Mahathir, perdagangan matawang sebenarnya 20 kali lebih besar daripada perdagangan sebenar membabitkan barangan dan perkhidmatan.

Selain memperolehi keuntungan atau menanggung kerugian bagi mereka yang menjalankan perdagangan matawang, tiada faedah yang ketara bagi dunia hasil daripada perdagangan besar ini, kata beliau.

"Tiada peluang pekerjaan diwujudkan dan tiada produk atau perkhidmatan dinikmati oleh masyarakat. Seluruh perdagangan itu diselubungi kerahsiaan dan tidak jujur apabila sejumlah besar wang dipindahkan dari bank ke bank. Tiada wang sebenar terbabit, cuma angka," kata beliau.

Dr Mahathir berkata jika wang sebenar yang terbabit, satu bilion Ringgit, memerlukan trak yang besar untuk memindahkannya dan ini adalah mustahil jika peristiwa "Great Train Robbery" tidak diulangi beratus-ratus kali.

Dalam ucapan dasar selama 50 minit dan mendapat tepukan gemuruh daripada kira-kira 500 orang di Pusat Konvensyen dan Pameran Hong Kong, Perdana Menteri berkata oleh kerana pedagang mata wang mempunyai dana yang besar, mereka berada dalam kedudukan untuk mempengaruhi nilai mata wang melalui pelaburan dan pemberhentian pelaburan.

Mereka menjadikan pasaran matawang sebagai tempat untuk mencari keuntungan dan mereka tidak pernah gagal mengaut keuntungan, walau arah mana sekalipun indeks pasaran menjurus dengan mengaut berbilion-bilion melalui setiap transaksi.

"Malangnya, mereka mengaut keuntungan dengan memiskinkan pihak lain termasuk negara yang sangat miskin dan golongan miskin.

Negara-negara Asia Tenggara sekarang menjadi sasaran kerana kita mempunyai wang tetapi tidak mencukupi untuk mempertahankan diri.

Dr Mahathir berkata matawang harus dibeli hanya untuk membolehkan negara-negara membiayai perdagangan sebenar dan bukan dibeli dan dijual seperti komoditi.

Menurutnya, nilai matawang mesti dikaitkan dengan pencapaian ekonomi negara berkenaan sambil berkata ada cukup indeks sebagai petunjuk nilai matawang dan kadar pertukarannya.

Melalui cara ini, tidak akan ada kadar tetap tetapi jurang turun-naik tidaklah terlalu luas.

Perdana Menteri menegaskan bahawa Malaysia kesal terhadap percubaan untuk membawa negara ini ketinggalan satu dekad melalui penurunan ringgit secara paksaan melalui apa yang disifatkannya sebagai "serangan pasaran saham."

Bagaimanapun, beliau berkata negara-negara Asia Tenggara seperti Malaysia masih bersedia dan mengalu-alukan pelaburan dari Eropah dan Amerika.

"Kita sentiasa mengalu-alukan pelaburan asing termasuk spekulasi. Mereka boleh datang untuk membeli saham dan menarik keluar jika hendak berbuat demikian atas sebab-sebab tertentu.

"Tetapi apabila dana besar menggunakan pengaruh untuk mempengaruhi turun naik saham dan mengaut keuntungan besar melalui manipulasi, maka itu sudah keterlaluan terutama apabila keuntungan mereka menyebabkan kerugian bagi kita," kata beliau.

Dr Mahathir berkata ada desas-desus bahawa tindakan Malaysia menakutkan pelaburan atau modal Barat sambil merujuk kepada beberapa langkah yang diambil oleh kerajaan baru-baru ini bagi membendung manipulasi di pasaran saham.

Beliau berkata Malaysia percaya bahawa ada pelabur yang bertindak demikian secara jujur dan menghargai mereka tetapi bukan sesetengah penyangak yang boleh menyebabkan kekalutan di pasaran.

Perdana Menteri juga memberitahu Eropah dan Amerika bahawa mereka tidak perlu takut mengenai kemunculan Asia atau Asia Tenggara yang makmur atau jika Asia mempunyai idea yang besar untuk memperbaiki pencapaiannya.

"Asia menawarkan banyak peluang bukan sahaja bagi rakyat Asia tetapi bagi semua orang. Jika diberi separuh peluang pun, kita boleh makmur.

"Kita semua tidaklah boleh menjadi kuasa ekonomi seperti Jepun tetapi kita sekurang-kurangnya tidaklah terlalu miskin. Jika negara-negara Eropah dan Amerika Utara boleh makmur, kita tidak nampak sebab mengapa kita tidak dibenarkan makmur sedikit," katanya.

Beliau juga berkata masyarakat Asia tidaklah mempunyai persamaan seperti masyarakat Eropah.

Katanya: "kami terdiri daripada pelbagai warna kulit dan bangsa, menganuti agama yang berlainan, bertutur bahasa yang berbeza dan mengamalkan budaya yang berlainan.

Terdahulu, Presiden Bank Dunia James Wolfensohn, ketika memperkenalkan Dr Mahathir menyifatkan beliau sebagai "tokoh yang hebat dari negara yang mengagumkan dengan mempunyai rekod yang luar biasa.

Esok, perhatian tertumpu kepada tokoh kewangan Amerika George Soros yang akan berucap pada seminar yang sama mengenai "Integrasi Global".

Soros dibidas oleh Dr Mahathir dan dikenal pasti sebagai orang yang bertanggungjawab menyebabkan kejatuhan pasaran saham di Asia Tenggara sejak dua bulan lalu.

Pembiayai kewangan yang berasal dari Hungary itu dijangka menunjukkan reaksinya esok terhadap kenyataan Perdana Menteri. -- BERNAMA

AU FAZ